

Pelaksanaan Kaedah Pengajaran Berkesan Dalam Pengajaran Tajwid al-Quran dalam Kalangan Guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di Negeri Kedah

Muhammad Amirul Mohd Nor

sheikh_amirul@ymail.com

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Muhammad Zulazizi Mohd Nawi

zulazizi0902@gmail.com

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Norhisham Mohamad

nhisham@fsk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan kaedah pengajaran berkesan yang digunakan oleh guru-guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) dalam pengajaran tajwid al-Quran di negeri Kedah seperti mana yang telah ditetapkan oleh Standard Guru Malaysia (SGM). Program KAFA merupakan suatu konsep pendidikan agama di peringkat rendah bagi menyokong dan memperkuatkan pendidikan Islam yang sedia ada yang telah ditetapkan dalam pelaksanaan pendidikan kebangsaan. Penekanan yang diberikan dalam program tersebut adalah dalam aspek kemahiran membaca al-Quran dengan bertajwid dan pengukuhan asas-asas fardu ain dalam kalangan murid-murid sekolah rendah, termasuk pengetahuan bahasa Arab dan teknik kemahiran menulis Jawi. Kajian ini melibatkan 210 orang guru yang mengajar di sekolah KAFA di negeri Kedah. Secara umumnya, kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif iaitu kaedah deskriptif yang menggunakan borang soal selidik sebagai alat kajian. Tahap kebolehpercayaan alfa Cronbach untuk semua bahagian dalam borang soal selidik juga ialah tinggi (>0.9). Akhir sekali, data kajian dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS versi 22 bagi mendapatkan kekerapan, peratus, skor min dan sisihan piawai. Hasil kajian menunjukkan pelaksanaan kaedah pengajaran berkesan guru-guru KAFA berada pada tahap sederhana tinggi dan tinggi. Kajian ini diharapkan dapat membantu para guru dan pihak pentadbir sekolah dalam usaha menambah baik kualiti pengajaran terutama dalam matapelajaran tajwid al-Quran agar mampu menghasilkan pengajaran yang berkesan dan cemerlang.

Kata kunci: Kaedah Pengajaran Berkesan, guru KAFA, pengajaran tajwid al-Quran

Implementation of Effective Teaching Methods in Teaching Tajwid al-Quran Among KAFA Teachers in Kedah

ABSTRACT

This study discusses the effective teaching methods used by Al-Quran and Fardu Ain (KAFA) class teachers in teaching al-Quran tajwid in Kedah as stipulated by the Malaysian Standard Teacher (SGM). The KAFA program is a concept of religious education at the primary level to support and strengthen the existing Islamic education that has been set in the implementation of national education. The emphasis given in the program is the aspect of Quranic reading skills with tajwid and strengthening the basics of fard ain among primary school students, including knowledge of Arabic and Jawi writing skills. This study involved 210 teachers who teach in KAFA schools in Kedah. In general, this study used a quantitative design based with descriptive method and questionnaire as a research tool. The Cronbach's alpha reliability level for all sections in the questionnaire was also high (> 0.9). Finally, the data was analyzed descriptively using SPSS software version 22 to obtain the frequency, percentage, mean score, and standard deviation. The results showed that the implementation of effective teaching methodology of KAFA teachers is at a moderate and high level. This study is expected to help teachers and school administrators to improve the quality of teaching, especially in the subject of tajwid al-Quran to be able to produce effective and excellent teaching.

Keywords: Effective Teaching Methods, KAFA teachers, the teaching of tajwid al-Quran

PENGENALAN

Pendidikan agama adalah aspek penting dalam membina keperibadian seorang insan. Salah satu cara membina insan pada peringkat awal usianya ialah melalui pendidikan formal seperti pendidikan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) yang terletak di bawah pengelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Antara bidang-bidang yang diajar dalam pendidikan KAFA seperti Al-Quran, Ibadah, Akidah, Sirah, Adab & Akhlak Islamiah, Jawi, Penghayatan Cara Hidup Islam (PCHI), Amali Solat dan Lughatul Quran (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2011). Matlamat program KAFA di bawah JAKIM ini adalah bertujuan untuk mendidik dan membentuk murid-murid ke arah memperkembangkan fitrah individu selaras dengan al-Quran dan as-Sunnah. Manakala tujuan utama diadakan program KAFA pula adalah untuk membantu memperkuatkan lagi asas-asas pembelajaran al-Quran dan pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah selain untuk melahirkan dan membentuk insan yang kuat iman dan amalannya kepada Allah s.w.t serta menghayati akhlak dan cara hidup Islam. Ini sejajar dengan objektif dan silibus Pendidikan Islam di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu untuk mengaitkan antara teori dan praktikal terhadap murid yang bukan sahaja perlu menonjolkan diri dalam bidang akademik tetapi juga dalam amalan dan penghayatannya di sekolah.

Kewujudan program KAFA juga bertujuan menyelaraskan matlamat Falsafah Pendidikan Islam (FPI) dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Negara (FPN) yang muahu melahirkan insan yang holistik dari segi rohani, jasmani, emosi, intelek serta sosial (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018; Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2011). Hal ini juga bertepatan juga dengan objektif akhir daripada Pendidikan Islam adalah untuk

menjadikan seseorang Muslim itu tunduk kepada Allah s.w.t baik secara peribadi, masyarakat dan juga seluruh umat manusia (Azra, 2014). Oleh sebab itulah, bagi menggapai cita-cita ini, guru seharusnya memiliki kemahiran supaya dapat berfungsi sebagai penyampai ilmu yang berkesan, mampu memilih metodologi pengajaran yang sesuai dengan kebolehan dan minat murid (Awang *et al.*, 2016). Menurut Marsh (1996), guru perlu memiliki kemahiran yang mencukupi bagi mempraktikkannya dalam situasi yang baharu dengan berkesan. Dengan mempunyai kemahiran yang mencukupi, barulah guru dapat menyampaikan pengajaran yang lebih jelas dan baik.

PERNYATAAN MASALAH

Program KAFA diperkenalkan kepada murid-murid tahun satu hingga tahun lima. Penekanan yang diberikan dalam KAFA adalah kemahiran amali bagi ibadat *khususiyah*, kemahiran aspek keimanan, kemanusiaan, kemasyarakatan dan kenegaraan. KAFA juga memberikan penumpuan terhadap pendidikan Asas Tilawah al-Quran, pembentukan tauhid, bimbingan asas fardu ain, memupuk pengamalan fardu kifayah dan adab yang berteraskan akhlak Islamiah. Guru hendaklah memastikan agar setiap murid memahami ilmu yang disampaikan supaya setiap daripada mereka mampu membentuk diri menjadi mukmin yang berilmu, beriman, beradab, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, beramal soleh dan bertaqwah selaras dengan falsafah, misi dan visi kafa (Awang *et al.*, 2013).

Pengajaran yang efektif bermaksud guru berkemahiran untuk menyampaikan pengajaran secara santai, senang difahami, diingati dan menyeronokkan. Tambahan lagi, guru hendaklah menyampaikan kandungan pengajaran secara sistematik dan rapi, menggunakan kata-kata yang ringkas dan padat, penjelasan yang tepat, menyampaikan perkara-perkara yang berkaitan, penekanan kepada kandungan penting pengajaran serta pembelajaran itu cuba dikaitkan pula dengan pengetahuan dan pengalaman murid yang sedia ada dan menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) bagi membantu menjelaskan tema subjek pelajaran (Lim & Awang, 2012; Ibrahim & Amin, 2014; Huong & Abdullah, 2018; Abdullah *et al.*, 2020).

Matlamat Pendidikan Islam yang murni jika dilihat pada realiti insan yang terhasil sekarang dalam kalangan para murid, remaja dan tidak terkecuali murid-murid sekolah rendah tidak sepertimana yang diharapkan. Penggunaan metodologi pengajaran yang terbaik oleh guru akan menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang cemerlang dan akhirnya membawa kepada kejayaan murid. Pengajaran merupakan suatu proses yang meliputi perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas yang bertujuan menyampaikan ilmu pengetahuan. Hal yang demikian kerana, terdapat beberapa metodologi yang perlu dipraktiskan oleh setiap guru (Mohamed, 2011).

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Kasa & Md. Aroff (1995), guru memiliki kepentingan untuk membentuk aktiviti mengajar dan dalam masa yang sama ingin memastikan murid tersebut memberi tumpuan sepenuhnya, memilih bahan bantu mengajar yang tersedia dan mengingati semua nama murid yang pernah diajar (Sabilan *et al.*, 2014). Menurut Baharin Abu (2006) seperti mana yang dinukilkan oleh Ali *et al.* (2017), tahap kesediaan, minat, sikap, pengetahuan dan kemahiran guru lama dan baharu masih rendah selain prestasi guru juga berada pada tahap kurang memuaskan. Hakikatnya, guru memiliki pengaruh yang sangat signifikan terhadap murid di sekolah (Al-Ghazali, 1939; Al-Syaibani, 1975; Ahmad Tafsir, 2000; Basri, 2008). Perkara ini juga disokong oleh Zakariya (2004) di dalam Hussin *et al.* (2013) yang menyatakan bahawa, terdapat beberapa orang murid turut menyatakan bentuk metodologi pengajaran guru pendidikan Islam sebenarnya membosankan serta mengatakan sebahagian guru Pendidikan Islam mengajar tanpa persediaan yang tersusun.

Secara tuntasnya, pengkaji ingin meneliti kaedah pengajaran berkesan guru KAFA yang digunakan oleh guru-guru KAFA. Sebagai pendidik atau murabbi yang mempunyai profesionalisme keguruan, guru-guru KAFA seharuslah mempunyai persediaan yang sistematik bagi mengaplikasikan segala metodologi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas mengikut strategi, teknik serta kaedah yang sesuai. Teknik atau kaedah pengajaran tajwid dalam al-Quran yang baik dan iklim yang kondusif dapat mendorong murid lebih bersemangat dalam menimba ilmu di samping dapat memberikan sokongan serta motivasi kepada pentadbir sekolah serta institusi KAFA untuk terus cemerlang dan maju jaya


OBJEKTIF KAJIAN

Sejajar dengan matlamat kurikulum KAFA dan hasrat pihak JAKIM untuk melihat modal insan yang terhasil daripada program KAFA, maka kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti kaedah pengajaran berkesan yang digunakan oleh guru-guru KAFA dalam pengajaran tajwid al-Quran.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini merupakan kaedah pengajaran berkesan guru-guru KAFA dalam pengajaran tajwid Al-Quran. Terdapat dua elemen yang berkait dengan pengajaran tersebut iaitu proses pengajaran dan kaedah pengajaran guru. Kajian ini menumpukan kepada model pengajaran al-Quran oleh Al-Badry (1984) dan model kaedah pengajaran berkesan oleh Abu Hamid al-Ghazali (Salleh, 1997). Al-Badry (1984) mengemukakan konsep pengajaran Al-Quran meliputi elemen-elemen tilawah iaitu boleh membaca Al-Quran dengan baik dan fasih, tafsir iaitu mengetahui makna dan faham maksud ayat, *tatbiq* iaitu merealisasi ajaran Al-Quran dalam hidup dan tahniz iaitu menghafaz ayat-ayat tertentu amalan, bacaan dalam solat dan wirid. Manakala Abu Hamid al-Ghazali sebagaimana yang termaktub di dalam kitab *Ihya' Ulum Ad-Din* meletakkan beberapa kaedah iaitu perbincangan, *halaqah*, petunjuk dan perbandingan (Salleh, 1997).

Salleh (1997) menjelaskan kaedah perbandingan adalah mengenai perbezaan antara kebaikan dan keburukan akhlak. Akhlak yang mulia merupakan penyeri wajah dan menjauhi kesakitan manakala akhlak yang buruk terdiri daripada sifat-sifat tercela. Selain itu, dalam kaedah *halaqah*, Abu Hamid al-Ghazali menggunakan kaedah tersebut di sebuah sekolah yang didirikannya yakni pelajar akan bersama-sama dengan guru dalam bulatan bagi mendengar syarahan (Salleh, 1997). Abu Hamid al-Ghazali juga turut menggunakan kaedah petunjuk sebagai asas utama pendidikan anak-anak seperti memulakan pembelajaran dengan peniruan, iaitu menunjuk cara, diikuti dengan menyakini dan menguatkan dengan dalil-dalil, membaca ayat-ayat Al-Quran, menerangkan kandungan serta maknanya (Sulaiman, 1986). Kaedah perbincangan melalui soal jawab dapat memberikan fakta tanpa keraguan, kritikan dan bantahan di samping dapat memantapkan lagi kecerdasan otak, keyakinan diri dan kemampuan memahami seseorang terhadap ilmu pengetahuan (Salleh, 1997). Oleh itu, kedua-dua teori ini dijadikan kerangka konseptual kajian sebagaimana yang boleh dilihat dalam rajah 1 di bawah:



Sumber : Gabungan teori pengajaran Al-Badry (1984) dan teori metodologi pengajaran Abu Hamid al-Ghazali (Salleh, 1997)

SOROTAN LITERATUR

Kajian mengenai pelaksanaan kaedah pengajaran berkesan telah dilakukan oleh Abdul Wahid (2006), seramai 41 orang pelajar iaitu 21 orang pelajar lelaki dan 29 pelajar perempuan di Institusi Perguruan Bahasa-bahasa Antarabangsa, Lembah Pantai, Kuala Lumpur. Kajian ini juga mendapati bahawa, makhraj huruf 14.6%, fasohah 7.3% dan kemahiran tajwid 2.4% yang mencapai aras cemerlang, manakala aras baik pula 9.8% dalam makhraj huruf, 14.6% dalam fasohah dan 4.8% dalam kemahiran tajwid. Sebaliknya berlaku penyusutan pada aras sederhana sebanyak 14.6% dalam makhraj huruf, fasohah dan kemahiran tajwid 4.8%. Pada aras lulus makhraj huruf 9.8%, fasohah 7.3% dan 12.2% dalam kemahiran tajwid. Ini menunjukkan bahawa, hasil kajian memberangsangkan dan penguasaan membaca Al-Quran meningkat.

Dalam kajian yang lain dilakukan oleh Mohd Yunus (2006) terhadap pelajar menengah atas yang terdiri daripada tingkatan empat dan lima di sebuah Sekolah Menengah di Negeri Sembilan mendapati , sebanyak 67% pelajar telah mempelajari ilmu tajwid secara formal di sekolah rendah dan 33% di sekolah menengah. Ini menunjukkan bahawa, pembelajaran yang formal mampu membuatkan pelajar memahami ilmu tajwid dengan baik. Manakala 65% responden dapat menjawab dengan betul hukum ikhfa' hakiki, izhar halki, idgham ma 'al-ghunnah, mim dan nun musyaddah dan hanya 34.2% sahaja tidak dapat menjawab dengan betul. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan Haji Mohd Yusuff & Mohd (2008) terhadap pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di Negeri Terengganu yang melibatkan pelajar melayu Islam sebanyak empat buah sekolah bandar dan empat buah sekolah luar

bandar. Kajian ini mendapati bahawa, 38.7% dalam kalangan pelajar tidak mampu membaca Al-Quran.

Selain itu, kajian Alim & Abdul Manaf (2010) yang dijalankan bagi meninjau “kaedah pengajaran yang digunakan guru-guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) kawasan Bachok” menunjukkan kaedah utama yang diguna pakai oleh guru-guru PASTI adalah kaedah hafalan dengan catatan min sebanyak 4.16. Guru-guru PASTI juga mengetahui tentang kaedah pengajaran yang dikaji oleh pengkaji. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan responden memberi reaksi yang baik terhadap aspek yang dikaji. Dalam pada itu, kajian Md Hasan et al. (2015) yang menfokuskan penganalisisan pencapaian kelancaran bacaan al-Quran, fasohah (kefasihan dalam sebutanL aplikasi hukum tajwid dan pengetahuan hukum tajwid dalam kalangan murid Tahun Empat memaparkan pencapaian kelancaran bacaan al-Quran dan aplikasi hukum tajwid dalam kalangan majoriti murid adalah pada tahap sederhana iaitu 46.7%, pencapaian dari segi fasohah (kefasihan dalam sebutan) adalah pada tahap baik iaitu 60% manakala majoriti murid berada pada tahap lemah bagi pencapaian pengetahuan hukum tajwid dengan peratusan sebanyak 36.7%.

Dapatkan kajian Sabilan et al. (2016) bagi permasalahan tahap penguasaan murid tahun 5 dalam bacaan al-Quran berdasarkan Model Khatam al-Quran dan Model Tasmik j-QAF menunjukkan sebanyak 70.6% murid telah menguasai bacaan al-Quran, 19.9% pada tahap sederhana dan 9.5% murid masih di tahap lemah. Walaupun objektif program j-QAF mensasarkan murid dapat menamatkan bacaan al-Quran bersama guru, namun, masih terdapat murid yang gagal menguasai bacaan al-Quran. Akhir sekali, kajian Mohd Shafie & Fatmi Talib (2018) terhadap guru Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA) JAKIM di sekolah-sekolah di Malaysia mendapati, skor min bagi keempat-empat aspek adalah sederhana iaitu; strategi pengajaran ($\text{min}=3.09$, $\text{sp}=0.584$), BBM ($\text{min}=2.43$, $\text{sp}=0.545$), kaedah pengajaran ($\text{min}=2.97$, $\text{sp}=0.680$) dan profesionalisme guru ($\text{min}=3.54$, $\text{sp}=0.666$). Ini menunjukkan bahawa, amalan pengajaran dan pembelajaran serta profesionalisme guru KAFA perlu dimantapkan lagi melalui kursus-kursus latihan yang berkala dan berfokus dari semasa ke semasa.

METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji memilih pendekatan kuantitatif yang melibatkan kaedah bentuk tinjauan deskriptif. Pendekatan kajian ini adalah melalui borang soal selidik yang diterjemahkan dalam bentuk analisis statistik. Perkara ini disokong oleh Konting (1994) bahawa, kajian berbentuk tinjauan deskriptif merupakan salah satu metode yang bertujuan untuk mendapatkan gambaran sebenar sesuatu fenomena yang sedang berlaku di lapangan. Blake & Champion (1976) menjelaskan, kajian berbentuk tinjauan deskriptif ialah satu bentuk yang dikhurasukan untuk mendapatkan keterangan sistematik mengenai populasi kajian. Maka, jumlah populasi kajian ini terdiri daripada 460 orang guru KAFA manakala lokasi kajian pula melibatkan sekolah-sekolah rendah yang terletak di negeri Kedah.

Soal selidik telah diberikan kepada responden untuk dijawab dan langkah-langkah penganalisisan data-data dikumpul dan diproses melalui perisian komputer SPSS versi 22. Pengkaji juga menggunakan kaedah persampelan secara rawak mudah kerana data mentah yang diperoleh adalah tidak serupa dari aspek jantina dan demografi (Mohd Nawi et al., 2020). Justeru, kajian ini hanya memilih 210 orang sampel untuk dijadikan responden daripada keseluruhan 460 orang populasi sebagaimana yang disarankan oleh Krejcie &

Morgan (1970). Dalam pada itu, item-item dalam borang soal selidik pada semua bahagian menggunakan Skala Likert 5 mata iaitu ‘Sangat Tidak Setuju’, ‘Tidak Setuju’, ‘Tidak Pasti’, ‘Setuju’ dan ‘Sangat Setuju’. Menurut Mohd Majid Konting sebagaimana yang dinukilkan oleh Azirun (1999), skala likert sangat sesuai digunakan terhadap responden kerana memiliki pilihan jawapan yang kepelbagaiannya selain darjah kebolehpercayaannya juga tinggi. Bagi tujuan interpretasi terhadap pelaksanaan metodologi pengajaran guru KAFA, nilai min yang diperoleh merujuk kepada penulisan Stufflebeam (1971).

JADUAL 1. Interpretasi Min Dimensi Tingkah Laku Afektif

Nilai Min	Interpretasi
4.01-5.00	Tinggi
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
2.01-3.00	Sederhana Rendah
1.01-2.00	Rendah

Sumber: Stufflebeam (1971)

DAPATAN KAJIAN

Jadual 2 di bawah menunjukkan taburan responden kajian berdasarkan jantina. Secara keseluruhannya, sebanyak 210 responden telah terpilih untuk menjawab soal selidik yang dikemukakan. Jadual 2 di bawah menunjukkan responden terdiri daripada lelaki dan juga perempuan. Seramai 107 orang responden lelaki atau meliputi sebanyak 51.0 % terlibat dalam menjayakan pengkajian ini. Manakala responden perempuan yang terlibat daripada 103 orang atau 49.0 %. Ini menunjukkan responden lelaki lebih ramai terlibat berbanding responden perempuan dalam kajian ini. Proses pemilihan jumlah status jantina ialah untuk memudahkan proses terhadap data yang diperoleh. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mempelbagaikan responden kerana pemikiran dan pemahaman antara lelaki dan perempuan seringkali berbeza.

JADUAL 2. Jantina Responden

Item	Kekerapan	Peratus
Lelaki	107	51.0
Perempuan	103	49.0
Jumlah	210	100.0

Jadual 3 di bawah menunjukkan tahap pendidikan bagi responden. Terdapat 133 orang atau 63.3 % responden yang mempunyai tahap akademik peringkat SPM, STAM atau STPM sahaja. Seramai 70 orang atau 33.3 % daripada responden mempunyai tahap akademik peringkat Diploma atau Ijazah. Manakala selebihnya seramai 7 orang iaitu 3.3 % responden mempunyai tahap akademik yang lain pada peringkat ini. Hasil kajian mendapati sebahagian besar responden terdiri daripada kelulusan di peringkat tahap SPM, STAM atau STPM sahaja

JADUAL 3. Tahap Akademik Responden

Item	Kekerapan	Peratus
SPM/STAM/STPM	133	63.3
Diploma	70	33.3
Lain-Lain	7	3.3
Jumlah	210	100.0

Jadual 4 di bawah menunjukkan pengalaman mengajar responden di sekolah-sekolah KAFA di bawah Jabatan Agama Islam Kedah. Kesemua responden ini masih berkhidmat di sekolah KAFA bertahun-tahun di situ. Majoriti guru KAFA sebenarnya telah menjawat jawatan secara tetap dan sebahagiannya adalah kontrak. Seramai 66 orang responden atau sebanyak 31.4 % ialah responden yang mempunyai pengalaman mengajar iaitu sudah 1-3 tahun. Seramai 95 orang responden atau sebanyak 45.2 % ialah majoriti guru di sini telah mengajar selama 4-6 tahun dan seramai 49 orang responden atau sebanyak 23.3 % mempunyai pengalaman mengajar selama 7 tahun dan ke atas, yakni guru yang paling lama berkhidmat di sekolah KAFA. Walau bagaimanpun, hasil kajian mendapati bahawa, majoriti responden yang berpengalaman dalam mengajar di sekolah KAFA ialah selama 4-6 tahun

JADUAL 4. Pengalaman Mengajar Responden

Item	Kekerapan	Peratus
1-3 tahun	66	31.4
4-6 tahun	95	45.2
7 > tahun	49	23.3
Jumlah	210	100.0

Jadual 5 di bawah menunjukkan kehadiran kursus anjuran Majlis Agama Islam Kedah. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru serta ingin menjana keyakinan dalam diri guru agar lebih baik. Dalam kursus ini juga, guru-guru didedahkan dengan kaedah pengajaran yang terkini dan mendapat ilmu yang lebih luas hasil daripada kursus ini. Terdapat hanya 122 orang responden dengan jumlah sebanyak 58.1 % yang telah hadir ke kursus tersebut sepanjang mereka bekerja dalam KAFA ini. Manakala seramai 88 orang responden atau sebanyak 41.9 % yang tidak hadir ke kursus yang dianjurkan oleh pihak MAIK ini. Hasil kajian mendapati bahawa, peratusan bagi responden yang hadir ke kursus guru ini adalah ramai dan dapat meningkatkan tahap pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik dari masa ke semasa.

JADUAL 5. Kehadiran Kursus Guru Kafa Anjuran Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK)

Item	Kekerapan	Peratus
Ya	122	58.1
Tidak	88	41.9
Jumlah	210	100.0

Jadual 6 di bawah menunjukkan tempat tinggal bagi responden yang menetap sama ada di bandar maupun di luar bandar yang terletak di negeri Kedah. Terdapat seramai 117 orang responden dengan peratusnya iaitu sebanyak 55.7 % yang tinggal di kawasan kategori bandar. Selain itu, dalam jadual ini juga menunjukkan seramai 93 orang responden dengan peratusannya sebanyak 44.3 % yang tinggal di kawasan luar bandar. Ini menunjukkan

bahawa, responden yang tinggal di kawasan luar bandar adalah sedikit sahaja. Hasil mendapati bahawa, kesemua responden yang berjumlah 117 orang adalah majoriti yang tinggal di kawasan bandar.

JADUAL 6. Tempat Tinggal Responden

Item	Kekerapan	Peratus
Bandar	117	55.7
Luar Bandar	93	44.3
Jumlah	210	100.0

Kaedah Pengajaran Berkesan Menggunakan Kaedah Perbandingan

Taburan analisis tinjauan deskriptif terhadap kaedah pengajaran berkesan guru-guru KAFA dalam pengajaran pengajaran tajwid al-Quran ditunjukkan dalam jadual 7 di bawah. Secara keseluruhan nilai dan skor min terhadap kaedah pengajaran berkesan secara perbandingan adalah sebanyak 3.83 dan interpretasi bagi taburan ini ialah sederhana tinggi. Merujuk kepada jadual 7, skor min bagi item ‘Guru membandingkan hukum tajwid Nun Sakinah dengan Mim Sakinah dalam konteks tajwid’ memiliki jumlah paling tinggi untuk indeks sederhana tinggi. Manakala jumlah min bagi item ‘Guru membezakan bacaan Al-Quran yang baik dengan bacaan yang tidak baik’ berada pada jumlah yang rendah untuk indeks sederhana tinggi.

JADUAL 7. Skor Min Kaedah Pengajaran Berkesan Menggunakan Kaedah Perbandingan

Item	N	Min	Tafsiran
Guru membezakan bacaan Al-Quran yang baik dengan bacaan yang tidak baik	210	3.75	Sederhana Tinggi
Guru membandingkan bacaan ayat Al-Quran yang betul dan salah dari sudut tajwid.	210	3.81	Sederhana Tinggi
Guru membandingkan hukum tajwid Nun Sakinah dengan Mim Sakinah dalam konteks tajwid.	210	3.96	Sederhana Tinggi
Guru membezakan jenis-jenis sebutan makraj huruf bagi huruf hijaiyyah.	210	3.77	Sederhana Tinggi
Guru membandingkan kaedah tajwid berpandukan tariq As-Syatibi dengan tariq Ibnu Jazari kepada pelajar.	210	3.88	Sederhana Tinggi
Min Keseluruhan	210	3.83	Sederhana Tinggi

Kaedah Pengajaran Berkesan Menggunakan Kaedah Halaqah

Jadual 8 menunjukkan skor min bagi kaedah pengajaran berkesan secara halaqah terhadap pengajaran tajwid al-Quran oleh guru-guru KAFA. Merujuk kepada jadual 8, skor min bagi item ‘Guru membaca, pelajar diminta memerhati gerak bibir guru kemudian mengikut bacaan guru’ memiliki jumlah paling tinggi untuk indeks sederhana tinggi iaitu 3.97 manakala skor min iaitu bagi item ‘Guru mempamerkan ayat-ayat dari surah yang diajar melalui LCD, kad carta atau kad manila’ berada pada jumlah yang rendah untuk indeks sederhana tinggi iaitu 3.74. Secara keseluruhnya, skor min bagi kaedah pengajaran berkesan secara halaqah adalah pada tahap sederhana tinggi iaitu 3.85

JADUAL 8: Skor Min Kaedah Pengajaran Berkesan Menggunakan Kaedah Halaqah

Item	N	Min	Tafsiran
Guru mengumpulkan pelajar dalam kumpulan kecil bertujuan membimbing mereka membaca dengan bacaan yang betul dari segi sebutan dan tajwid	210	3.78	Sederhana Tinggi
Guru membaca, pelajar diminta memerhati gerak bibir guru kemudian mengikut bacaan guru	210	3.97	Sederhana Tinggi
Guru membetulkan bacaan pelajar sekiranya terdapat kesalahan dalam sebutan dan tajwid	210	3.89	Sederhana Tinggi
Guru meminta pelajar membaca ayat secara kelas, kumpulan dan individu	210	3.80	Sederhana Tinggi
Guru mempamerkan ayat-ayat dari surah yang diajar melalui LCD, kad carta atau kad manila	210	3.74	Sederhana Tinggi
Guru memperdengarkan bacaan Al-Quran dari bacaan guru sendiri supaya pelajar dapat memerhatikan pergerakan bibir dan sebutan guru	210	3.88	Sederhana Tinggi
Guru boleh menguji pelajar dengan meminta mereka membaca di hadapan kelas atau di hadapan guru	210	3.89	Sederhana Tinggi
Min Keseluruhan	210	3.85	Sederhana Tinggi

Kaedah Pengajaran Berkesan Menggunakan Kaedah Petunjuk

Jadual 9 menunjukkan skor min bagi kaedah pengajaran berkesan secara petunjuk terhadap pengajaran tajwid al-Quran oleh guru-guru KAFA. Berdasarkan kepada jadual 9 di bawah, kesemua item berada pada tahap sederhana tinggi iaitu sebanyak 3.93. Walau bagaimanapun, item yang mempunyai skor min yang paling tertinggi adalah item ‘Guru menyampaikan penerangan tentang tajwid dengan ringkas dan bernas’ iaitu 4.01 dan item ‘Guru meminta pelajar menyebut semula isi pelajaran yang telah disampaikan oleh guru’ dengan 4.05. Item yang paling rendah untuk indeks sederhana tinggi adalah 3.84 iaitu bagi item ‘Guru mengulas pembentangan pelajar tentang ayat Al-Quran serta tajwid yang berkait dengan isi pelajaran yang berlaku’.

JADUAL 9: Skor Min Kaedah Pengajaran Berkesan Menggunakan Kaedah Petunjuk

Item	N	Min	Tafsiran
Guru menyampaikan penerangan tentang tajwid dengan ringkas dan bernas	210	4.01	Tinggi
Guru menerangkan hukum tajwid yang terdapat dalam ayat Al-Quran	210	3.90	Sederhana Tinggi
Guru mengulas pembentangan pelajar tentang ayat Al-Quran serta tajwid yang berkait dengan isi pelajaran yang berlaku	210	3.84	Sederhana Tinggi
Guru meminta pelajar menyebut semula isi pelajaran yang telah disampaikan oleh guru.	210	4.05	Tinggi

Guru memperbetulkan bacaan pelajar sambil mengajar hukum-hukum tajwid (daripada yang mudah kepada yang kompleks)	210	3.89	Sederhana Tinggi
Min Keseluruhan	210	3.93	Sederhana Tinggi

Kaedah Pengajaran Berkesan Menggunakan Kaedah Perbincangan

Secara keseluruhan nilai dan skor min terhadap kaedah pengajaran berkesan secara perbincangan adalah sebanyak 4.03 dan interpretasi bagi taburan ini ialah tinggi. Merujuk kepada jadual 10 di bawah, skor interpretasi min bagi item ‘Guru memulakan sesi soal jawab tentang tanda bacaan dan hukum tajwid’, item ‘Guru memastikan pelajar dapat menghafaz ayat dengan betul dan fasih serta bertajwid’, item ‘Guru memaparkan ayat hafazan di LCD dan memperdengarkan bacaan dari qari terkenal secara bertalaqqi’, item ‘Guru memastikan pelajar dapat menghafaz ayat yang dipelajari dengan betul’, item ‘Guru memperbetulkan sebutan atau bacaan pelajar sekiranya lemah dalam bacaan Al-Quran’ dan item ‘Guru mengulang beberapa kali bacaan tersebut supaya pelajar dapat menyebut dengan baik’ memaparkan bacaan tertinggi iaitu 4.00 ke atas.

JADUAL 10: Skor Min Kaedah Pengajaran Berkesan Menggunakan Kaedah Perbincangan

Item	N	Min	Tafsiran
Guru mempamerkan carta mengandungi ayat dan meminta pelajar membaca secara senyap	210	3.99	Sederhana Tinggi
Guru membaca permulaan ayat dan meminta pelajar menyambung ayat tersebut untuk menarik minat pelajar	210	3.81	Sederhana Tinggi
Guru memulakan sesi soal jawab tentang tanda bacaan dan hukum tajwid	210	4.06	Tinggi
Guru menggunakan kaedah soal jawab supaya pelajar mengetahui hukum tajwid yang terdapat dalam ayat, serta menguasai hafazan dengan baik	210	3.98	Sederhana Tinggi
Guru memastikan pelajar dapat menghafaz ayat dengan betul dan fasih serta bertajwid	210	4.00	Sederhana Tinggi
Guru memaparkan ayat hafazan di LCD dan memperdengarkan bacaan dari qari terkenal secara bertalaqqi	210	4.15	Tinggi
Guru memastikan pelajar dapat menghafaz ayat yang dipelajari dengan betul	210	4.03	Tinggi
Guru memperbetulkan sebutan atau bacaan pelajar sekiranya lemah dalam bacaan Al-Quran.	210	4.08	Tinggi
Guru mengulang beberapa kali bacaan tersebut supaya pelajar dapat menyebut dengan baik.	210	4.19	Tinggi
Min Keseluruhan	4.03	Tinggi	

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Dalam kaedah pengajaran berkesan menggunakan kaedah perbandingan, nilai dan jumlah min keseluruhan adalah sebanyak 3.83 dengan interpretasi bagi taburan ini ialah sederhana tinggi. Salleh (1997) di dalam Tamuri & Ajuhary (2010) menjelaskan bahawa, kepentingan pemilihan sesuatu teknik mestilah berasaskan sesuatu kaedah yang berlandaskan sesuatu pendekatan. Menurutnya lagi, keberkesanan sesuatu teknik yang digunakan bergantung kepada asas-asas kaedah dan pendekatan yang kukuh, mantap dan boleh dipercayai. Bagi kaedah pengajaran berkesan menggunakan kaedah *halaqah*, nilai dan jumlah min keseluruhan bagi konstruk ini adalah sebanyak 3.85 dan interpretasi bagi taburan ini ialah sederhana tinggi. Dapatan kajian ini adalah bertepatan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Alim & Abdul Manaf (2010) yang mendapati, walaupun kaedah *halaqah* adalah kaedah paling lama dalam dunia pendidikan, terbukti kaedah ini masih menjadi pilihan oleh pendidik Islam masa kini kerana mampu merapatkan hubungan guru dan murid lebih erat jika berada dalam satu *halaqah*. Menurut Allen (1992), penggunaan strategi dan kaedah mengajar yang sesuai dengan tahap kecergasan merupakan ciri-ciri kemahiran mengajar yang perlu ada pada seseorang guru (Ahmad & Jinggan, 2015). Malah kaedah dan teknik pengajaran yang baik boleh menyumbangkan kepada mutu pengajaran dan pembelajaran yang efektif. Seterusnya, kaedah pengajaran berkesan menggunakan kaedah petunjuk menunjukkan nilai dan jumlah min keseluruhan bagi jadual di atas ini adalah sebanyak 3.93 dengan nilai skor interpretasi bagi taburan ini ialah sederhana tinggi. Menurut kajian yang dilakukan oleh Ab.Halim (2004), kaedah pengajaran menggunakan kaedah syarahan atau kuliah ialah kaedah yang paling popular digunakan oleh guru Pendidikan Islam dalam bilik darjah lama (Md Saad *et al.*, 2012). Haji Yahya (2015) mengatakan faktor utama pemilihan kaedah pengajaran ini adalah disebabkan kos yang menjimatkan dan senang diaplikasikan serta digunakan tanpa memerlukan persediaan yang lama. Sehubungan dengan itu, disarankan agar guru perlu lebih kreatif untuk mempelbagaikan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan mungkin menggunakan bahan bantu pengajaran yang relevan dengan pelajar kerana para nabi dan Rasulullah s.a.w sendiri turut menggunakan pelbagai teknik serta objek fizikal semasa berdakwah mahupun menyampaikan ilmu keislaman (Abdul Ghani *et al.*, 2013; Wan Harun *et al.*, 2015). Akhir sekali, kaedah pengajaran berkesan menggunakan kaedah perbincangan pula menunjukkan nilai dan jumlah min keseluruhan bagi dapatan konstruk ini ialah sebanyak 4.03 dengan nilai interpretasi bagi taburan ini ialah tinggi. Jika ditelusuri dengan lebih mendalam berkenaan dengan dapatan kajian ini, didapati berlaku kesejajaran dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Mohd Shafie & Fatmi Talib (2018) kerana skor min bagi item soal jawab atau perbincangan berada pada kedudukan yang paling tinggi antara item-item yang lain dalam kaedah pengajaran guru KAFA. Menurut Ishak (1989), bagi mendapatkan ilmu pengetahuan serta pendidikan yang berkesan, Rasulullah s.a.w didedahkan berbagai-bagi kaedah pengajaran dan pembelajaran secara tidak langsung menerusi Malaikat Jibril a.s selama 23 tahun. Antara kaedah pengajaran yang dapat dikesan menerusi aspirasi Al-Quran ialah kaedah pengajaran secara syarahan (kuliah), kaedah pengajaran secara hafalan, kaedah pengajaran secara perbincangan (muhadathah), kaedah pengajaran secara soal jawab, kaedah pengajaran secara perdebatan (mujadalah), kaedah pengajaran secara pandang dengar, kaedah pengajaran secara pengembaraan (rehlah) dan kaedah pengajaran secara *halaqah* (Ishak, 1989).

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini cuba memberikan pendedahan kepada guru-guru KAFA tentang kaedah pengajaran berkesan menggunakan kaedah perbandingan ($M=3.83$), halaqah ($M=3.85$), petunjuk ($M=3.93$) dan perbincangan ($M=4.03$) yang sesuai serta senang digunakan bagi memantapkan lagi pengajaran tajwid al-Quran. Kajian ini juga cuba menelusuri reaksi para guru KAFA terhadap tahap pengetahuan murid dalam pembacaan Al-Quran yang efektif. Di samping itu, kajian ini cuba untuk melihat apakah terdapat kaedah pengajaran berkesan berdasarkan faktor demografi dan sebagainya. Pengkaji berharap kajian ini akan menjadi perintis kepada kajian-kajian lain atau akan datang supaya pihak-pihak yang berkenaan mengambil tindakan untuk melakukan sesuatu langkah yang terbaik bagi memenuhi objektif yang terdapat pada Falsafah Pendidikan Islam (FPI) iaitu satu usaha untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah. Misalnya, mengemaskini kaedah-kaedah yang digunakan oleh guru-guru Pendidikan Islam dan KAFA bagi mengajar mata pelajaran Al-Quran serta menjadikan subjek wajib kepada murid-murid sekolah rendah dan menengah yang mengikuti program pendidikan. Walau bagaimanapun, keperluan pihak berwajib terhadap penganjuran kursus-kursus jangka pendek perlu dilakukan kepada guru pendidikan Islam dan KAFA agar pemahaman kemahiran pengajaran tersebut lebih tersusun dan sistematik kerana proses pelaksanaan pendidikan Al-Quran merupakan suatu yang perlu dititiberatkan dan diberikan perhatian dari semasa ke semasa. Pengkaji juga berharap hasil dapatan kajian ini akan mampu menyedarkan pihak ibu bapa tentang pentingnya pengajaran Al-Quran di rumah dan pemantauan terhadap anak-anak perlu diberikan. Justeru itu, pihak yang berkaitan khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Guru Besar Sekolah dan termasuk guru pendidikan Islam sendiri hendaklah menyedari bahawa, kepentingan pendidikan Al-Quran amat penting dan signifikan terhadap guru pendidikan Islam dan KAFA bagi menyelesaikan kemelut yang melanda ketika proses pendidikan Al-Quran sedang berjalan.

RUJUKAN

- Abdullah, W. H., Zolkapli, M. I., & Abdul Halim, N. F. (2020). Analisis Pendekatan Pengajaran Ilmu Hadis (Ih) Di Institusi Pengajian Tinggi Sekitar Negeri Perak Darul Ridzuan. e-Proceeding of The 2nd International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2020 (THIQAH 2020) 21-24 Februari. Hotel Ibis Malioboro,Jogjakarta. Indonesia. E-ISBN: 978-967-2122-86-9
- Abdul Ghani, M. Z., Ahmad@Aziz, N., & Don, A. G., & Ismail, A. (2013) Faktor penulisan ilmu dakwah dalam Islam. *Al-Hikmah*, 5, 3-17. ISSN 1985--6822
- Abdul Wahid, M. F. (2006). Meningkatkan Kemahiran Membaca al-Quran Menerusi Latihan Amali & Tasmik al-Quran. Institut Perguruan Bahasa- Bahasa Antarabangsa: Kuala Lumpur.
- Ahmad, A., & Jinggan, N. (2015). Pengaruh Kompetensi Kemahiran Guru Dalam Pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Mata Pelajaran Sejarah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2), 1-11.
- Ahmad Tafsir. (2000). Ilmu pendidikan dalam perspektif Islam. Bandung: Penerbit PT Remaha Rosdakarya.
- Al-Badry, Muhammad Abdullah al-Mahdy. (1984). *Al-Quran al-karim Tarikhuhu wa 'Ulumuhu*. Dubai: Dar al-Qalam.

- Allen, T. (1992). *Teaching Arabic in the United States; past, present and future in the Arabic Language in America*. Deroit: Wayne University Press.
- Ali, A. H., Yusoff, A., & Abdul Rahman, M. N. (2017). Kompetensi Guru Pelatih Di Sebuah Institut Pendidikan Guru Dalam Melaksanakan Latihan Mengajar. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(2), 39-55.
- Alim, A. P., & Abdul Manaf, N. (2010). Kaedah Pengajaran Guru-Guru Pusat Asuhan Tunas Islam (Pasti) Kawasan Bachok. Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 1-10. (Unpublished). (Tarikh akses: 2021, Februari 27). Diambil dari <http://eprints.utm.my/id/eprint/11033/>
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (1939). *Ihya Ulum al-Din*. Juzuk 1. Mesir: Mutba'ah Mustafa al-Bab al-Halabi.
- Al-Syaibani, Omar Muhammad Al Toumy. (1975). *Falsafah al-tarbiyyah al-Islamiyyah*. Libya: al-Mansyaah al-Syabiyyah li al-nasyr wa al-tauzi' wa al-'ilam
- Awang, M. I., Daud, Y., Don, Y., & Kassim, A. L. (2013). Amalan Pengajaran Guru KAFA Dalam Pelaksanaan Pembelajaran Kelas Fardhu Ain (KAFA) di Negeri Kedah Darul Aman. Pembentangan diadakan di Seminar Kebangsaan 23-25 September 2013 Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak, Kuala Lumpur. ISBN: 978-967-12405-0-2.
- Awang, M. I., Daud, Y., & Don, Y. (2016). Amalan Pengajaran Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) Di Malaysia. Pembentangan diadakan di International Conference on Education, Islamic Studies and Social Sciences Research pada 23-25 July 2016 di Universitas Syiah Kuala, Banda Aceh, Aceh, Indonesia, 390-406. ISBN: 978-967-14257
- Azirun, R. (1999). Tahap Penggunaan Multimedia di kalangan Guru-guru Pendidikan Islam di Melaka Tengah, Melaka. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baharin Abu. (2006). Tahap Kesediaan Pedagogi Guru Pelatih Fakulti Pendidikan, UTM dalam Latihan Mengajar. Kertas kerja dibentang dalam Kolokium Fakulti Pendidikan, UTM, Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai, Johor.
- Basri, G. (2008). Peranan Pendidik Dalam Pembentukan Ummah dalam Said Ahmad Mohamad & A. Haris Khalif Muammar (Eds.), *Pembangunan Watak Bangsa*. Kajang: Kolej Dar al-Hikmah & Akademi Kajian Ketamadunan.
- Black, J.A., and Champion, D.J. (1976). *Method and Issues in Social Research*. New York: John Wiley and Sons
- Ibrahim, M. Y., & Amin, A. (2014). Model Kepemimpinan Pengajaran Pengetua Dan Kompetensi Pengajaran Guru. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1), 11-25.
- Ishak, A. (1989). *Sejarah perkembangan pelajaran dan pendidikan Islam*. Petaling Jaya: Al-Rahmaniah, Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2011). *Garis Panduan Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA)*. Putrajaya : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Haji Mohd Yusoff, M. Y. Z., & Mohd, S. (2008). Keupayaan bacaan al-quran di kalangan pelajar tingkatan empat: Kajian di beberapa buah sekolah menengah terpilih di negeri Terengganu. *Al-Bayan : Journal of al-Quran and al-Hadith*, 6, 58-95. <http://www.myjurnal.my/public/article-view.php?id=8603>
- Haji Yahya, H. S. (2015). Kaedah Pengajaran Tafsir Al-Qur'an Di Peringkat Menengah Negara Brunei Darussalam. Kertas kerja dibentangkan di *1st International Conference on Language, Education, Humanities & Innovation 2015*, Conference 21st to 22nd March 2015, 173-181. Singapore. ISBN 978-967-13140-2-9

- Huong, W. S., & Abdullah, N. A. E. B. (2018). Bimbingan dan Pementoran Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) Menurut Perspektif Guru Dibimbing (GDB). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(13), 57-72.
- Hussin, N. H., Che Noh, M. A., Tamuri, A. H. (2013). Elemen Mengenali Murid dalam Pengajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(2), 10-19.
- Kasa, Z., & Md. Aroff, A. R. (1995). Sikap dan Masalah Guru Pelatih dalam Menjalani Latihan Mengajar. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 3 (2), 125-133.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan Negara*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Krejcie, R.V and Morgan (1970). Determining Sampel Size for Research Activities. *Education and Psychological Measurements*, 30:607-610.
- Konting, M. M. (1994), "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lim N. L., & Awang M. I. (2012). Faktor Guru, Ibubapa Dan Rakan-Rakan Dengan Amalan Tuisyen Pelajar: Satu Tinjauan Awal. Universiti Utara Malaysia.
- Marsh, H.W. (1996). Students' evaluation of teaching effectiveness: The stability of mean ratings of the same teachers over a 13-year period. *Teaching & Teacher Education*, 7, 303 – 314.
- Md Hasan, R., Nik Yaacob, N. R., & Wan Yahaya, W. A. J. (2015). Pencapaian Kelancaran Bacaan, Fasohah Dan Hukum Tajwid Dalam Tilawah Al-Quran Murid Sekolah Rendah: Satu Tinjauan Awal. Kertas kerja dibentangkan di International Conference on Islamic Education and Social Entrepreneurship 2015At: Langkawi, MALAYSIA, 511-518.
- Md. Saad, A. J., Tamuri, A. H., & Ismail, A. (2012). Pembelajaran aktif dalam pengajaran dan pembelajaran berkesan pendidikan Islam. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam pada 1 Januari 2012.
- Mohd Nawi, M. Z., Hashim, A., & Muhamad, N. (2020). Integrasi Penggunaan Teknologi Pelbagai Media oleh Guru Pendidikan Islam di Maahad Yayasan Islam Kelantan. *Jurnal Sains Sosial Dan Pendidikan Teknikal / Journal Of Social Sciences And Technical Education (JoSSTEd)*, 1(1), 73-88. Retrieved from <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jossted/article/view/10534>
- Mohd Shafie, B. H., & Fatmi Talib, N. (2018). Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran Dan Tahap Profesionalisme Guru Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (Kafa) Jakim. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 12(1), 150-159. ISSN 2180-2270.
- Mohd. Yunus, F. (2006). *Penguasaan Ilmu Tajwid di Kalangan Pelajar Sebuah Sekolah Menengah di Negeri Sembilan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Sabilan, S., Ishak, M. F., Din@Nasirudin, M. K, & Kusut, R. (2014), Tahap Pelaksanaan Pendekatan, Strategi, Kaedah Dan Teknik Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Latihan Mengajar Menurut Persepsi Guru-Guru Pelatih Fakulti Pendidikan Kuis : Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Pendidikan Bil*, 1(2), 88-97.
- Sabilan, S., Ibrahim, B., & Mohamed Lip, S. (2016). Analisis Tahap Penguasaan Bacaan Al-Quran Murid Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Sungai Karang Berdasarkan Model Khatam Al-Quran Dan Model Tasmik J-Qaf. Kertas kerja dibentangkan di International Conference on Islamic Education & Research (ICIER 2016) At: Eagle Bay, Langkawi

- Salleh, A. M. (1997). *Pendidikan Islam: falsafah, pedagogi, dan metodologi*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Sulaiman, F. H. (1986). *Alam Pikiran Al-Ghazali Mengenai Pendidikan Dan Ilmu*, Bandung: CV. Diponegoro
- Stufflebeam, D. L. (1971). Education evaluation and decision making. Italia II: Peacock.
- Tamuri, A. H., & Ajuhary, M. K. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43-56
- Wan Harun, M. A., Ruskam, A., Baharuddin, A. S., Othman, R., & Abdul Sarip, M. A. (2015). Epistemologi Praktik Bahan Bantu Mengajar Nabawi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. *UMRAN International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 2(2), 45-55.
- Zakariya, Z. (2004). Penerimaan dan penghayatan pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam: Satu Kajian di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Kota Setar, Kedah. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.